

Denggi di Johor meningkat 101.2 peratus

JOHOR BAHRU - Kes demam denggi di Johor mencatatkan peningkatan sebanyak 101.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Exco Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd Khuzzan Abu Bakar berkata, sehingga 31 Ogos lalu, sebanyak 7,761 kes dicatat berbanding 3,857 kes dalam tempoh sama.

"Peningkatan kes turut membawa peningkatan kematian iaitu 19 kes," katanya pada sidang media selepas pelancaran Operasi Penguatkuasaan Premis Individu (OPPI) Johor di Taman Damai Jaya di sini semalam.

Mohd Khuzzan berkata, berdasarkan siasatan, penyumbang utama peningkatan kes denggi berpunca daripada pembiakan aedes disebabkan pembuangan sampah tidak teratur.

"Meskipun orang ramai telah diingatkan untuk sentiasa membersihkan kawasan rumah terutama bekas pembiakan aedes, tetapi masih ada lagi tempat pembiakan ditemui setiap kali siasatan dijalankan.



Mohd Khuzzan (tengah) memegang bendera Johor sebagai gimik pelancaran OPPI di Taman Damai Jaya semalam.

"Sehubungan itu, kerajaan negeri bersama Jabatan Kesihatan Negeri Johor melancarkan OPPI bagi memastikan masyarakat sedar dan mengambil tindakan sepatutnya bagi menghalang pembiakan aedes.

"Hukuman tegas akan diambil dan sekiranya dijumpai tempat pembiakan jentik-jentik di premis kediaman. Kompaun sebanyak RM5,000 akan dikenakan. Sekiranya gagal membayar kompaun, mereka boleh didenda di mahkamah," katanya.

KES DENGGI DI JOHOR

- Johor Bahru - 74.8 peratus (paling tinggi)
- Kluang - 6.1 peratus
- Kulai - 4.2 peratus
- Batu Pahat - 3.5 peratus
- Muar - 2.4 peratus
- Kota Tinggi - 2.1 peratus
- Segamat - 2.0 peratus
- Tangkak - 1.9 peratus
- Pontian - 1.5 peratus
- Mersing - 1.4 peratus